

13 JUN 2003

Sukan-Selat Inggeris (Fokus Berita)  
PERCUBAAN MALIK BUKAN SATU REKREASI

Oleh: Asan Ahmad

KUALA LUMPUR 13 Jun (Bernama) -- Anggapan sesetengah pihak bahawa percubaan merentasi Selat Inggeris oleh perenang maraton negara Abdul Malik Mydin hanya sebagai satu aktiviti rekreasi adalah karut belaka.

Walaupun bukan dikategorikan sebagai acara sukan, apa yang hendak diperjuangkan oleh perenang berusia 28 tahun itu adalah untuk membuktikan bahawa rakyat Malaysia sudah memiliki keupayaan menghadapi segala bentuk cabaran yang boleh menyekat mereka untuk bergerak lebih jauh ke hadapan.

Ia juga memberi gambaran bahawa rakyat negara ini sudah tidak boleh diperkecilkan lagi kemampuannya kerana tahap daya saing tidak lagi berada di takuk lama.

Jika masih ada lagi pihak yang melihat percubaan Abdul Malik sebagai sia-sia, ia merupakan anggapan orang yang tidak berpandangan jauh dan bertanggungjawab.

Golongan yang beranggapan seperti itu seharusnya malu kepada diri sendiri kerana individu yang bakal melakukan percubaan merentasi selat tersebut adalah anak tempatan sendiri, yang bakal mengharumkan nama negara di peta dunia.

Malah, dunia luar melihat percubaan yang bakal diharungi Malik ini dengan penuh rasa bangga dan gembira kerana bagi mereka ia sesuatu yang sukar diterima berdasarkan tahap kecemerlangan Malaysia dalam kegiatan sukan di peringkat antarabangsa.

Apapun, jika masih ada lagi pihak yang beranggapan kononnya percubaan Malik itu sebagai kerja sia-sia, mereka harus menarik balik kenyataan itu kerana ia tidak melambangkan sebarang semangat keperwiraan.

Sebenarnya apa yang mahu dibuktikan oleh Malik di Selat Inggeris kelak sudahpun jelas.

Selain melakar sejarah dalam aktiviti luar biasa, mesej utama yang mahu disampaikan ialah untuk memupuk semangat waja di kalangan rakyat Malaysia. Ia seharusnya dicontohi oleh semua lapisan masyarakat.

Malah mesej tersebut sudahpun diperjelaskan sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan renangan dari Kuala Perlis ke Langkawi oleh Malik pada 24 Mei lalu.

Beliau yang juga penaung kepada program Cabaran Selat Inggeris itu, melihat percubaan Malik merentasi selat tersebut sebagai medan untuk membuktikan keupayaan rakyat Malaysia.

Malah ketika pelancaran itu, Dr Mahathir telah mencabar golongan beliau untuk menjejaki langkah Malik kerana menurutnya ia membuktikan keberanian seseorang itu menghadapi segala bentuk cabaran.

Malik, ketika ditemui baru-baru ini menjelaskan bahawa beliau tidak mengambil kisah apa yang dikatakan oleh pihak-pihak tertentu terhadap program beliau.

"Ia sudah lumrah...tapi seperti apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri terhadap percubaan ini adalah untuk memyemarakkan semangat perjuangan di kalangan generasi akan datang...lagipun setiap apa yang kita lakukan itu mesti ada mesejnya tersendiri, cuma cara kita menyampaikannya tidak begitu difahami oleh sesetengah orang", kata Malik.

Semangat itu tidak semestinya tertumpu kepada satu bidang sahaja, sebaliknya meliputi semua...kerana jika generasi akan datang mencontohi, menghayati dan memiliki semangat yang ditonjolkan oleh individu-individu yang telah berjaya melepasi cabaran luar biasa sebelum ini, masa depan dan kestabilan negara akan terus terjamin, jelas Malik.

Jika Malik mampu merentasi Selat Inggeris bulan depan, beliau merupakan warga Malaysia kelima berjaya melepasi halangan dalam aktiviti luar biasa.

Sebelum ini Malaysia dibanggakan dengan kejayaan pasukan pendaki Gunung Everest yang berjaya menjejaki puncak gunung dan selepas itu diikuti dengan penerjunan di Kutub Utara.

Tidak cukup dengan itu, semangat waja yang dipamerkan oleh rakyat Malaysia terus terserlah melalui percubaan Datuk Azhar Mansor yang mengelilingi dunia secara solo menggunakan kapal layar Jalur Gemilang dan yang terakhir ialah kejayaan Hassan Nawawi menjelajah dunia menggunakan basikal.

Jika Malik berjaya dengan percubaannya kelak, rakyat Malaysia sudahpun melepasi segala bentuk cabaran dan ia seharusnya dijadikan pegangan oleh generasi akan datang untuk membentuk keyakinan diri.

Malik dijangka akan melakukan renangan di Selat Inggeris pada 18 Julai depan dan akan berenang sejauh 33 kilometer merentasi selat yang mempunyai air paling sejuk di dunia itu.

Beliau kini berada di Melbourne untuk melakukan latihan fasa terakhir sebelum memulakan cabaran sebenar.

Bulan lepas, beliau telah melakar satu sejarah apabila berjaya merentasi Selat Melaka (dari Kuala Perlis ke Langkawi) sejauh 48 kilometer dalam masa 14 jam.

-- BERNAMA

AHA ZB